TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)
DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8883 2542

Rujukan : KKM.400-3/1/3 Jld.20 (10)
Tarikh : 4 September 2024

TERIMA
12 SEP 2024
Pejabat Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN PERATURAN DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN WP1.4 BAGI PERKARA-PERKARA BERIKUT:

A. PEMANSUHAN TAMBANG GANTIAN; DAN

B. KELULUSAN TUNTUTAN ELAUN MAKAN BAGI KEMUDAHAN MAKAN TIDAK HALAL SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI.

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat dalam rujukan MOF.600-31/1/3 JLD.6 (8)(S) bertarikh 24 Julai 2024 telah melaksanakan penambahbaikan peraturan kepada **Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis)** susulan kepada pemansuhan syarat kelulusan Ketua Jabatan bagi penggunaan kenderaan sendiri semasa bertugas rasmi yang melebihi jarak 240km yang berkuat kuasa mulai 10 Jun 2024 yang lalu.

3. Selaras dengan pemansuhan syarat berkenaan, MOF bersetuju supaya Tambang Gantian di perenggan 5.8, PP WP1.4 yang melibatkan penggunaan kenderaan sendiri bagi jarak melebihi 240 km turut dimansuhkan dan seterusnya memudahkan urusan tuntutan perjalanan serta pembayaran tuntutan perjalanan.

MOH,
Mohon perhatian perkara ini. TK.
EOLS 16/9/24

4. Selain pemansuhan peraturan Tambang Gantian, pegawai yang bertugas rasmi di luar negeri kini dibenarkan untuk membuat tuntutan Elaun Makan sekiranya kemudahan makan yang disediakan oleh pihak penganjur tidak mempunyai pensijilan halal atau disahkan tidak halal dengan kelulusan diberi oleh Ketua Jabatan.

5. Perincian dan pindaan peraturan kepada PP WP1.4 adalah seperti berikut:

A. Tambang Gantian

5.8 Tambang Gantian		
Perenggan	**Peraturan Sedia Ada**	**Pindaan (Baharu)**
5.8.1	seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu (1) tempat sahaja yang jaraknya melebihi 240 km daripada Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang, pegawai layak menuntut Tambang Gantian;	**Peraturan ini dimansuhkan.**
5.8.2	pegawai hendaklah menyatakan di dalam borang tuntutan bahawa beliau menuntut Tambang Gantian. Syarat tuntutan Tambang Gantian adalah seperti berikut: (a) pegawai hendaklah menggunakan kenderaan persendirian; (b) kadar tuntutan Tambang Gantian adalah bersamaan dengan harga tiket bagi tambang kapal terbang yang dibenarkan berdasarkan kelayakan pegawai; dan (c) Tambang Gantian hanya layak dituntut sekiranya ia lebih menjimatkan berbanding tuntutan perjalanan menggunakan kenderaan sendiri bagi	**Peraturan ini dimansuhkan.**

	menggalakkan perbelanjaan berhemat.	
5.8.3	seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang berkaitan dengan perjalanan kapal terbang seperti berikut: (a) tambang dari rumah ke lapangan terbang dan sebaliknya; (b) tambang dari lapangan terbang ke tempat penginapan dan sebaliknya; dan (c) bayaran cukai Lapangan Terbang.	**Peraturan ini dimansuhkan.**

B. Kelulusan Ketua Jabatan Bagi Tuntutan Elaun Makan Untuk Kemudahan Makan Tidak Halal Semasa Bertugas Rasmi Di Luar Negeri

6.1 Elaun Makan dan Elaun Harian		
Perenggan	**Peraturan Sedia Ada**	**Pindaan (Baharu)**
6.1.5	seseorang pegawai tidak layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian jika kemudahan makan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut: (a) sarapan pagi - 20% daripada Elaun Makan.	seseorang pegawai tidak layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian jika kemudahan makan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut: (a) sarapan pagi - 20% daripada Elaun Makan.

	(b) makan tengah hari - 40% daripada Elaun Makan. (c) makan malam - 40% daripada Elaun Makan.	(b) makan tengah hari - 40% daripada Elaun Makan. (c) makan malam - 40% daripada Elaun Makan. **6.1.6** **Ketua Jabatan boleh meluluskan tuntutan Elaun Makan bagi kemudahan makan tidak halal yang disediakan oleh pihak penganjur tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:** **(a) pihak Kementerian/ pegawai telah berurusan dengan pihak penganjur terlebih dahulu berhubung penyediaan kemudahan makan dengan mengambil kira sensitiviti dan keperluan makanan pegawai (*dietary restriction*) sebelum tugas rasmi dilaksanakan; dan** **(b) pengesahan daripada pihak penganjur bahawa tiada kemudahan makan halal disediakan bagi urusan tugas rasmi tersebut.**

6. Berkuat kuasa daripada penambahbaikan peraturan-peraturan berkenaan, pelaksanaan adalah seperti berikut:

i. **Tambang Gantian** tidak lagi terpakai dalam tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan; dan

ii. Kelulusan tuntutan Elaun Makan bagi kemudahan **makanan tidak halal** semasa bertugas rasmi di luar negeri tidak perlu lagi dikemukakan ke MOF dan kelulusan adalah di bawah pertimbangan Ketua Jabatan.

7. Selaras dengan penambahbaikan peraturan kepada PP WP 1.4 seperti di perenggan 5 surat ini, ia turut melibatkan penambahbaikan di **perenggan 5.9 dan 6.1, PP WP 1.5** - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi, dan **perenggan 4.1.6 (e) dan (f) serta perenggan 7.3, PP WP1.10** - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra Perkhidmatan.

8. Penambahbaikan peraturan yang dinyatakan adalah berkuatkuasa mulai **24 Julai 2024**. Walau bagaimanapun, pekeliling-pekeliling berkenaan akan diedarkan setelah pindaan dimuktamadkan oleh MOF. Bersama-sama ini disertakan surat MOF berkenaan untuk makluman dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan sewajarnya.

9. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan dimohon untuk memaklumkan pindaan ini kepada setiap Jabatan/PTJ masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI NORAZMAN AYOB)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

	PK CATATAN:	Peg. Khas	
		Pengurusan	✓
		PA	
	PDPSSC CATATAN:	TP (P&P)	
		TP (S&C)	
		TP (S)	
		TP (M)	
		Ketua (K&K)	
		ARAC	
		PA	
	PPPI CATATAN:	TP (PD)	
		TP (ID)	
		TP (PMA)	
		TP (E)	
		TP (I)	
		PA	
	PNCFS CATATAN:		
	MJMM CATATAN:		
Catatan:			
Tarikh:			

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Pembangunan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan & Penswastaan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun

Pengarah
Bahagian Perancangan

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan

Pengarah
Bahagian Pemakanan

Pengarah
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional & Komplimentari

Pengarah
Bahagian Kejururawatan

Pengarah
Bahagian Kesihatan Digital

Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang

Ketua Audit Dalam
Cawangan Audit Dalam

Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat

Ketua Unit Integriti
Unit Integriti

SENARAI EDARAN JABATAN KESIHATAN NEGERI DAN INSTITUSI

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jalan Residensi
10450 Georgetown
PULAU PINANG

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Koo Chong Kong
30000 Ipoh
PERAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat G, M, 9, 10, 11, 14, 17 & 18
No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9
40100, Shah Alam
SELANGOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Aras 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Aras 5, Wisma Persekutuan Kota Bharu
Jalan Bayam
15590 Kota Bharu
KELANTAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 1,3 & 6, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 **KUALA LUMPUR**

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 **W.P. LABUAN**

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 **W.P. KUALA LUMPUR**

Pengarah
Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak
50400 **W.P. KUALA LUMPUR**

Pengarah
Institut Kanser Negara
No.4, Jalan P7, Presint 7
62250 **W.P. PUTRAJAYA**

Pengurus
Institut Kesihatan Negara
Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR